

jelajahsiswa



ANTARA aktiviti yang dijalankan oleh peserta SOAP UPM sepanjang enam hari program berlangsung membabitkan dua madrasah iaitu Madrasah Qamaruddin Al-Islamiah dan Madrasah Ar-Raafeah'ah yang terletak di Kampung Stung Thmei dan Tonle Sap.



ANAK-anak kecil gembira menerima sumbangan alat tulis dan buku oleh delegasi UPM sempena dengan SOAP di Kemboja baru-baru ini

SOAP kini ke Kemboja

→ Percubaan pertama bawa warga Kolej Enam Belas UPM ke luar negara

Oleh Nas Norziela Nasbah
nasnorziela@bh.com.my

■ Serdang

Seramai 16 warga Kolej Enam Belas, Universiti Putra Malaysia (UPM), di sini, berkampung di Siem Reap, Kemboja bagi menjalankan Society Awareness Programme (SOAP) Cambodia and Beyond, baru-baru ini.

SOAP adalah program yang mem-

beri penumpuan untuk mahasiswa menjalankan program berbentuk khidmat komuniti, selain memberi pendedahan dan kesedaran mengenai kepelbagaiannya cara hidup, budaya serta agama.

Pengarah program, Muhammad Faiz Abdul Manab, berkata SOAP adalah program berterusan yang dijalankan di beberapa lokasi dalam negara dengan menyasarkan kelompok masyarakat yang berbeza.

Katanya, untuk tahun ini, pasukan SOAP Cambodia and Beyond memiliki Madrasah Qamaruddin Al-Islamiah dan Madrasah Ar-Raafeah'ah, masing-masing di Kampung Stung Thmei dan Tonle Sap sebagai destinasi pilihan.

"Pemilihan kedua-dua madrasah sebagai lokasi program adalah tepat

dan berbaloi kerana dapat mencapai objektif dengan memberi kesedaran serta perkongsian ilmu melalui pelbagai aktiviti yang dijalankan bersama-sama penghuni madrasah.

Peringkat baharu

"Melihat maklum balas yang diberikan oleh masyarakat di sana, kami cukup gembira dan berpuas hati kerana dapat meluangkan masa bersama-sama penduduk Islam di Siem Reap," katanya.

Selain aktiviti kesedaran seperti pentingnya menjaga kebersihan gigi dan gotong-royong membersihkan kawasan madrasah serta kampung, pasukan SOAP turut menyerahkan barang seperti jubah, telekung, buku iqra, sabun, ubat dan berus gigi serta alat tulis yang disum-

bangkan oleh orang ramai kepada kedua-dua madrasah berkenaan.

Sementara itu, felo pemantau, Siti Mahsuri Talib, berkata *SOAP Cambodia and Beyond* yang diadakan selama lima hari empat malam itu adalah percubaan pertama membawa warga Kolej Enam Belas ke luar negara.

"Kita cuba bawa SOAP ke satut peringkat lain. Walaupun cabaran-nya lebih sedikit berbanding di Malaysia, terutama dari segi kewangan, interaksi, dan bahasa, semuanya dapat diatasi dengan komitmen pasukan serta kerjasama pelbagai pihak."

"Banyak yang dapat kita pelajari daripada kunjungan ke Kemboja ini dan adakalanya di luar jangkaan," katanya.